

LAWATAN CHIEF OF AIR STAFF INDIA AIR FORCE KE PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3873-lawatan-chief-of-air-staff-india-air-force-ke-pangkalan-udara-gong-kedak

GONG KEDAK, 7 Sep 18 - Pangkalan Udara Gong Kedak telah menerima kunjungan oleh Chief Of Air Staff India Air Force, Air Chief Marshal B S Dhanoa. Ketibaan beliau telah di sambut oleh PANGWILUD 1, YBhg Mej Jen Datuk Hj Romlee bin Yahaya TUDM, Komander Pangkalan, Brig Jen Dato' Suhaimi bin Hussain TUDM serta pegawai-pegawai Kanan dan pegawai-pegawai Pangkalan Udara Gong Kedak.

Chief Of Air Staff India Air Force telah dibawa ke Markas No 11 Skuadron untuk menandatangani Buku Lawatan dan sesi bergambar. Ketibaan beliau di Markas disambut Pegawai Memerintah No 11 Skn, Kol Rozainy bin Ahmad Rapiee@Ahmad Rofie TUDM. Beliau diberi taklimat berkenaan Pangkalan dan No11 Skn di bilik Mesyuarat No 11 Skn. Setelah selesai taklimat beliau telah dibawa ke Pusat Simulasi Sukhoi SU-30MKM. Pada akhir lawatan sesi pemberian cenderahati.





